# Fiqh Muamalat Teori Pemilikan Dalam Islam Cheat Sheet

by almukminahmdarifin via cheatography.com/145638/cs/31382/

## DEFINISI PEMILIKAN

| *Bahasa:-* | *Istilah:-* |
|---|---|
| memiliki sesuatu dan mampu bertindak ke atasnya sebebasnya. | sesuatu pengkhususan yang telah ditetapkan oleh syarak kepada pemilik harta tersebut untuk mengurus, mentadbir dan menguasai hartanya dan menghalang orang lain daripada menguasai harta tersebut. |

## CIRI-CIRI PEMILIKAN SEMPURNA

i. Pemilik bersifat kekal dan mutlak ke atas hartanya, tiada jagka masa tamat kecuali pemilik itu sendiri ingin menamatkannya.

ii. Pemilik mempunyai kuasa penuh ke atas harta yang dimilikinya dan boleh mengurus serta mentadbir hartanya tanpa campur tangan pihak lain.

iii. Pemilik tidak perlu membayar sebarang ganti rugi kerosakan terhadap harta miliknya sendiri.

## SEBAB-SEBAB PEMILIKAN SEMPURNA

| | |
|---|---|
| i. Penguasaan ke atas harta yang harus. | Contohnya, tanah yang belum diteroka, bahan galian, binatang buruan yang hidup meliar dan kawasan rumput liar. Pemilik merupakan orang pertama yang berniat memilikinya melalui perbuatan dan penguasaannya . |
| ii. Akad pindah milik. | Kontrak pertukaran pemilik kepada pemilik yang lain. Contohnya, kontrak jual beli, hibah, hadiah dan wasiat |
| iii. Hasil dari pengembangan harta yang dimilikinya. | Contohnya, binatang yang lahir dari pemilik yang memiliki ibunya. |

## JENIS PEMILIKAN

| *Pemilikan Sempurna* | *Pemilikan Tidak Sempurna* |
|---|---|
| Al-Milk Tam ialah keadaan apabila seseorang memiliki harta dan sekaligus memanfaatkan harta tersebut. | Al-Milk Naqis bermaksud memiliki salah satu daripada dua unsur yang terdapat dalam sesuatu harta sama ada fizikal harta tersebut atau manfaatnya sahaja. |

## CIRI-CIRI PEMILIKAN TIDAK SEMPURNA

i. Bersifat sementara dan tidak kekal, tetapi terikat pada tempoh masa yang ditetapkan.

ii. Segala perbelanjaan berkaitan harta yang dimanfaatkan hendaklah ditanggung oleh pemilik manfaat.

iii. Harta hendaklah dikembalikan kepada pemilik harta setelah tamat tempoh.

iv. Harta tidak boleh diwarisi.

## BAHAGIAN PEMILIKAN TIDAK SEMPURNA

| | |
|---|---|
| i. Pemilikan fizikal harta sahaja. | Contohnya, seseorang memiliki rumah yang di sewakan kepada orang lain, tidak boleh mendapatkan manfaat tinggal di dalam rumah tersebut walaupun rumah itu merupakan miliknya. |
| ii. Pemilikan manfaat harta sahaja. | Contohnya, seorang penyewa menyewa rumah daripada tuan rumah yang asal. Penyewa mendapat manfaat untuk tinggal di dalam rumah tersebut mengikut tempoh persetujuan yang telah ditetapkan semasa akad sewaan tersebut. |

## HARTA YANG TIDAK BOLEH DITERIMA MILIK

- harta yang tidak dimiliki atau tidak memberi milik iaitu **harta milik umum** seperti jalan raya, jambatan, lampu jalan raya, sungai dan sebagainya.

- Harta yang tidak boleh dimiliki kecuali dengan alasan syarak seperti **harta wakaf dan baitulmal**. Harta wakaf tidak boleh dijual melainkan harta itu rosak atau kos pengurusannya lebih tinggi dari pendapatan.

## SEBAB-SEBAB PEMILIKAN MANFAAT HARTA SAHAJA

| | |
|---|---|
| *pinjaman* | Pemilik manfaat memiliki manfaat harta tanpa perlu membayar apa-apa bayaran kepada peminjam. Jika harta yang digunakan rosak di tangan peminjam, maka peminjam perlu bayar ganti rugi. |
| *sewaan* | Pemilik manfaat harta membayar sejumlah harga yang telah dipersetujui oleh pemilik fizikal harta. |
| *wakaf* | Pewakaf tidak memiliki harta setelah diwakafkan. Penerima wakaf sahaja yang boleh memiliki manfaat dari harta tersebut. |
| *wasiat* | Pewasiat boleh memberi milik manfaat kepada sesiapa yang diwasiatkan. |
| *kebenaran mengguna sesuatu* | Pemilik tanah memberi kebenaran kepada seseorang untuk memakan buah di kebunnya. |



Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com